


# Ambil kira pandangan majoriti

**KUALA LUMPUR 16 Okt.** - Kerajaan perlu mengambil kira pandangan atau persetujuan kelompok majoriti berhubung isu ratifikasi enam konvensyen termasuk Konvensyen Antarabangsa Menentang Semua Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD) yang didakwa boleh menggugat kedudukan istimewa Melayu dan Islam.

Pensyarah di Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamaduhan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Profesor Dr. Zaid Ahmad** berkata, perkara itu mempunyai asas untuk dibimbangkan oleh kelompok



**ZAID AHMAD**

majoriti di negara ini kerana terdapat pelbagai pandangan mengenainya.

Kata Zaid, hal itu perlu dibahaskan dengan sebaik-baiknya di Dewan Rakyat dan Dewan Negara bagi menjamin dan memelihara Perlembagaan Persekutuan.

"Ada asas untuk dibimbangi. Elok dibahaskan secara mendalam dan kita kena dapatkan persetujuan majoriti. Kalau ratifikasi konvensyen-konvensyen berkenaan dapat mem-

pertahankan hak-hak dan kedudukan istimewa Melayu dan Islam, ia boleh dilaksanakan atau diratifikasi," katanya ketika

dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sementara itu Pensyarah Kannan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), **Profesor Madya Dr. Jeniri Amir** pula menjelaskan, tiada kebebasan mutlak walaupun atas nama hak asasi yang cuba diperjuangkan kerajaan Pakatan Harapan.

Katanya, ratifikasi konvensyen semestinya berlandaskan Perlembagaan Persekutuan sejak negara mencapai kemerdekaan.

"Kerajaan Pakatan Harapan harus berhati-hati terhadap perjuangan walaupun atas nama Malaysia Baharu. Dalam konteks ini, semua pihak perlu berhati-hati supaya ia tidak mengundang ketidakstabilan sosial di negara ini," ujarnya.